

10 DEC 1996

OIC-Bangladesh

BANGLADESH DIMINTA PASTIKAN PEKERJANYA BERKELAKUAN BAIK

Oleh: Khairdzir Yunus

JAKARTA, 10 Dis (Bernama) -- Malaysia telah meminta Kerajaan Bangladesh supaya memastikan para pekerjajanya berkelakuan baik semasa bekerja di Malaysia.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau telah menyampaikan perkara itu kepada rakan sejawatannya dari Bangladesh, Abdul Hasan Chowdhury dalam pertemuan dua hala mereka di sini, hari ini.

Kedua-dua pemimpin berada di sini kerana menghadiri persidangan Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

"Saya menyatakan kepada beliau, kerana kita tidak mahu berlakunya sesuatu kejadian tidak baik yang membabitkan pekerja Bangladesh, nanti kita terpaksa pula mengkaji pengambilan pekerja-pekerja dari Bangladesh," kata beliau kepada wartawan Malaysia di sini.

Beberapa peristiwa pergaduhan antara pendatang Bangladesh dengan penduduk tempatan dilaporkan berlaku di beberapa tempat di Malaysia akhir-akhir ini.

Abdullah berkata Malaysia memahami bahawa perbuatan itu dilakukan oleh hanya sebilangan kecil daripada mereka.

"Tapi kerana setitik nila, rosak susu sebelanga," katanya.

Beliau berkata Chowdhury telah menyatakan perasaan dukacita dan kesalnya atas kelakuan tidak baik yang dilakukan pekerja Bangladesh di Malaysia.

Menteri Luar Bangladesh itu menyerahkan kepada Malaysia untuk mengambil apa juga tindakan terhadap pekerja dari negara itu yang melakukan perbuatan tidak baik kerana tindakan mereka itu telah memburukkan nama baik Bangladesh dan rakan senegara mereka yang mahu bekerja dengan baik dan bersungguh-sungguh.

Menurut beliau, Menteri berkenaan juga memberi jaminan bahawa Kerajaan Bangladesh tidak akan menghalang apa juga tindakan wajar yang diambil oleh Kerajaan Malaysia terhadap pekerja Bangladesh sekiranya mereka melanggar undang-undang negara.

Abdullah berkata, Chowdhury juga telah memberi perakuan bahawa tindakan mendaftarkan secara rasmi pendatang izin Bangladesh di Malaysia berjalan dengan baik dan kerajaannya akan memastikan proses itu dapat diselesaikan mengikut jadual yang ditetapkan oleh Malaysia, iaitu pada akhir bulan ini.

Menurut Abdullah, Menteri berkenaan akan singgah di Kuala Lumpur nanti untuk melihat sendiri kemajuan yang telah dicapai dalam proses pendaftaran itu.

Sementara itu, Chowdhury juga telah menyatakan kepada Abdullah bahawa Perdana Menteri Bangladesh ingin mengadakan lawatan ke Malaysia untuk mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain itu, katanya, Chowdhury juga memaklumkan kepada beliau bahawa pelaburan Malaysia di negara berkenaan kini merupakan yang tertinggi serta mengatasi Jepun.

Abdullah berkata Menteri Luar Bangladesh itu turut mengharapkan lebih banyak pelabur Malaysia melabur di negara itu dan kerajaannya bersedia memberi pertimbangan kepada apa juga cadangan yang dikemukakan pelabur Malaysia. -- BERNAMA

KHY PR